



# ARAH TUJU PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN




# ARAH TUJU PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN

# 3

Bagi tujuan menyediakan dasar dan strategi pembangunan Negeri Sembilan, penjelasan mengenai matlamat dan objektif pembangunan Negeri Sembilan 2045 disediakan. Ini penting dalam memastikan semua perancangan yang dibuat adalah selaras dan saling menyokong kepada kejayaan Negeri Sembilan.

## 3.1 MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN 2045


Dalam memacu pembangunan moden Negeri Sembilan menjelang tahun 2045, matlamat pembangunan yang ditetapkan adalah “Negeri Sembilan 2045 sejahtera, inklusif dan mampan”. Matlamat ini bersesuaian untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri yang mempunyai perancangan guna tanah, kecekapan perkhidmatan sosial, taraf sivik penduduk, kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti dan setaraf dengan perletakannya yang bersebelahan dengan Konurbasi Kuala Lumpur. Negeri Sembilan juga menekankan kepada pembangunan modal insan dalam aspek pendidikan, program-program keilmuan, keagamaan, warisan dan budaya madani bagi menyokong kepada pembentukan negeri berilmu. Pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar juga ditekankan sebagai biodiversiti semula jadi Negeri Sembilan.






### 3.2 KONSEP PEMBANGUNAN NEGERI SEMBILAN

Berdasarkan kepada matlamat dan pendekatan utama pembangunan Negeri Sembilan 2045, konsep "Pembangunan Integrasi Negeri Sembilan" dijadikan sebagai asas dalam merancang pembangunan guna tanah Negeri Sembilan sehingga tahun 2045. Selain itu, konsep ini juga dibentuk bertujuan menangani masalah ketidakseimbangan pembangunan antara daerah di Negeri Sembilan. Konsep pembangunan ini menekankan kepada pembangunan seimbang mengikut acuan tersendiri, mampan, *new ruralism*, *smart growth*, pembangunan *infill*, *brownfield* dan dibangunkan secara terkawal (Rajah 3.1).



Rajah 3.1 :

Konsep Pembangunan Integrasi Negeri Sembilan 2045



Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

Hasil daripada konsep ini, pembangunan di antara kawasan akan saling melengkapi dan memberi kesan limpahan ekonomi kepada kawasan yang lain. Tiga teras utama dibentuk iaitu Pembangunan MVV, Pembangunan Agropolis dan Pembangunan Biodiversiti. Setiap teras mempunyai tema yang tersendiri berdasarkan kepada kekuatan dan potensi sedia ada di setiap daerah bagi memastikan pembangunan masa hadapan adalah lebih khusus. Berikut adalah ilustrasi yang menunjukkan hubungan simbiotik antara teras dalam mencapai konsep pembangunan yang ditetapkan.

Berdasarkan konsep ini, fokus perbandaran utama negeri adalah di kawasan pembangunan MVV iaitu Daerah Seremban dan Port Dickson. Pusat-pusat pertumbuhan daerah digalakkan dibangunkan di dalam '*urban containment boundary*'. Manakala, kawasan pertanian iaitu pembangunan Agropolis dan kawasan semula jadi iaitu pembangunan Biodiversiti akan dipelihara dan dibangunkan secara mampan. Konsep ini antara lain bertujuan untuk meminimumkan dan mengawal fenomena serakan / rebakan bandar.

Bagi mengukuhkan lagi konsep ini, konsep *new ruralism* diterapkan bagi mewujudkan hubungan simbiotik ekologi bandar-luar bandar yang efektif dan berterusan. Hubungan bandar-luar bandar yang efektif dan menyeluruh akan dipertingkatkan bagi memastikan rangkaian ekonomi tidak hanya terhad di kawasan bandar atau di daerah yang lebih maju.


Kelebihan sub sektor agromakanan Negeri Sembilan pada masa ini yang berjaya berdasarkan hasil keluaran yang tinggi dan pencapaian tahap sara diri yang memuaskan terutama buah-buahan dan penternakan perlu dipertingkatkan sebagai sumber ekonomi yang dinamik, menguntungkan dan mampu dipasarkan ke peringkat nasional dan antarabangsa.

### **3.2.1 Teras 1 : Pembangunan MVV**

MVV yang diinspirasikan oleh Kerajaan Negeri Sembilan adalah rancangan komprehensif jangka masa panjang yang melibatkan Daerah Seremban dan Port Dickson. MVV adalah kesinambungan kepada *Greater KL* dan akan menjadi pemangkin pembangunan di Negeri Sembilan. Ia juga merupakan salah satu Agenda Transformasi Negara yang menggunakan pendekatan '*public-private partnership*'. Matlamat pembangunan MVV adalah menjadi sebuah pembangunan yang kukuh dan mampan seiring dengan *Greater KL*.

**i. Rangka Kerja Strategik Pembangunan MVV**

Asas utama pembangunan MVV adalah penyertaan menyeluruh (*inclusiveness*) semua pihak berkepentingan yang terdiri daripada sektor swasta, kerajaan dan orang awam, menggalakkan pertumbuhan dan pembentukan nilai serta penyediaan infrastruktur dan logistik secara komprehensif. MVV juga akan memastikan kepentingan pusat-pusat kecil, petempatan sedia ada, keperluan peniaga-peniaga kecil dan golongan berpendapatan sederhana dan rendah disediakan secukupnya. Lima paksi utama pembangunan MVV adalah pendidikan, pelancongan, industri dan komersil, biopolis dan kesejahteraan serta hidup mampan.



**ii. Logo Pembangunan MVV**

Penggunaan simbol 'gear' dan Kuala Lumpur 'skyline' menunjukkan bahawa MVV adalah pemangkin kepada pelan transformasi Daerah Seremban dan Port Dickson bagi mengukuhkan pembangunan Negeri Sembilan seiring dengan *Greater KL*. Warna merah digunakan adalah untuk menonjolkan MVV sebagai nadi pembangunan Negeri Sembilan.






**iii. Cadangan Strategik Pembangunan MVV**

- ↳ Lima kluster strategik pembangunan MVV adalah:

  - Kluster Strategik 1 : Seremban (*Central Business District*)
  - Kluster Strategik 2 : Nilai – Sendayan (*Edu-Tech Valley*)
  - Kluster Strategik 3 : Port Dickson (*Tourism and Wellness*)
  - Kluster Strategik 4 : Jimah – Rantau (*New Smart Township*)
  - Kluster Strategik 5 : Galla – Pajam (*Nature City*)
- ↳ *Heartbeat and pulse projects* dibentuk di setiap kluster strategik ini sebagai projek-projek utama berdasarkan kepada lima paksi utama pembangunan iaitu pendidikan, pelancongan, industri dan komersil, biopolis dan kesejahteraan serta hidup mampan.


Rajah 3.2 menunjukkan pelan pembangunan MVV bagi tempoh 30 tahun iaitu dari 2015 ke 2045. Seiring dengan imej dan reputasinya yang bersebelahan dengan *Greater KL*, MVV perlulah mengekalkan identitinya sebagai sebuah daerah yang aman, selesa, sejahtera dan hubungan sosial yang erat. Pengekalan identitinya boleh ditingkatkan menerusi reka bentuk imej bandar serta kemudahan-kemudahan dan infrastruktur yang lain. Contoh bandar di luar negara yang boleh dijadikan penanda aras bagi menjayakan konsep wilayah ini ialah Cambridge, UK. Pusat Bandar Seremban juga berpotensi untuk dijadikan sebagai kawasan warisan. Hal ini kerana terdapat ciri-ciri kebudayaan dan warisan dengan imej tersendiri pada bangunan-bangunan di Pusat Bandar Seremban yang boleh ditonjolkan sebagai prospek sejarah dan budaya.

Rajah 3.2:  
Kluster Strategik Pembangunan MVV



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan, 2015.

Rajah 3.3 :  
Konsep Pembangunan MVV



Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

Port Dickson pula yang merupakan destinasi pelancongan persisiran pantai utama di Pantai Barat Malaysia dan menjadi pilihan percutian hujung minggu bagi penduduk Lembah Klang akan difokuskan dengan aktiviti persisiran pantai hingga ke Tanjung Tuan. Selain itu, fokus kepada pelancongan berasaskan sukan dan kesihatan tahap antarabangsa juga diperkukuhkan. Restoran-restoran makanan laut bermutu tinggi perlu digalakkan diusahakan oleh usahawan perikanan atau bekerjasama dengan syarikat tempatan atau antarabangsa yang berpengalaman dan mahir dalam bidang perkhidmatan restoran makanan laut kelas tinggi. Sebagai sebahagian daripada kawasan pembangunan MVV, reka bentuk bandar dan kawasan persisiran pantai Port Dickson akan dinaik taraf bagi memastikan kelestarian pembangunan Port Dickson.



### 3.2.2 Teras 2 : Pembangunan Agropolis

Agropolis adalah satu konsep pembangunan yang menerapkan elemen perbandaran ke sebuah petempatan desa dan dibangunkan sebagai bandar pertanian. Agropolis juga merupakan sebuah kawasan pengeluaran pertanian yang menggunakan teknologi bagi meningkatkan hasil tanaman dan boleh dibangunkan di kawasan yang mempunyai keluasan terhad.

Bagi Negeri Sembilan, konsep agropolis ini digunakan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi setempat. Berdasarkan kelebihan dan kekuatan sedia ada, Daerah Jempol, Tampin, Rembau dan Kuala Pilah berpotensi untuk dibangunkan menjadi satu wilayah bandar pertanian yang dikenali sebagai agropolis yang mampan, maju, berkualiti dan produktiviti tinggi serta sejahtera didiami. Pembangunan agropolis ini terdiri daripada 30% perbandaran dan selebihnya pertanian, HSK dan badan air.

Daerah-daerah yang terlibat akan berfungsi sebagai hab lembah makanan dan menjadi pengeluar sumber makanan utama kepada Lembah Klang. Selain itu, ia juga akan menjadi pusat kecemerlangan bagi pengeluaran dan pemprosesan makanan berasaskan bioteknologi serta melaksanakan R&D pertanian melalui kerjasama antara institusi R&D awam, institusi pengajian tinggi tempatan dan sektor swasta.

Antara jenis tanaman dan penternakan utama yang diberikan fokus adalah seperti **Jadual 3.1** dan **Jadual 3.2**.

Jadual 3.1:  
Tanaman Utama di Kawasan Pembangunan Agropolis

Jenis Pertanian	Jenis Tanaman	Keluasan (Hektar)
Tanaman Industri Utama	Kelapa Sawit	92,346.28
	Getah	138,553.80
Tanaman Agro Makanan Utama	Buah-buahan	3,204.06
	Sayur-sayuran	541.30
	Padi	778.20

Sumber : Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, 2014.

Jadual 3.2:  
Penternakan Utama di Kawasan Pembangunan Agropolis

Jenis Ternakan	Populasi Ternakan	Kawasan Tumpuan
Ayam Daging	11,612,162	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Daerah Jempol</li> <li>• Daerah Tampin</li> </ul>
Ayam Baka	2,294,262	
Ayam Penelur	3,883,000	
Lembu Tenusu	4,876	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Daerah Tampin</li> <li>• Kampung Sungai Batu, Rembau</li> <li>• Padang Ragut Gadong, Rembau</li> </ul>
Lembu Pedaging	38,907	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Daerah Jempol</li> <li>• Felda Palong</li> <li>• Ladang Periating Jernih</li> <li>• Ladang Risda Palong</li> <li>• Pedas, Rembau</li> <li>• Felda Sg Kelamah, Gemas</li> <li>• Felda Bukit Rokan, Gemencheh</li> <li>• Felda Pasir Besar, Gemas</li> </ul>
Kambing dan Bebiri	60,232	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Serting Hilir, Bahau</li> <li>• Felda Lui Muda, Jempol</li> <li>• Chembong, Rembau</li> <li>• Felda Palong, Jempol</li> </ul>
Puyuh	206,735	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Daerah Jempol</li> <li>• Daerah Jelevu</li> <li>• Daerah Kuala Pilah</li> <li>• Daerah Tampin</li> </ul>

Sumber : Jabatan Veterinar Negeri Sembilan, 2014.

Penumpuan pertanian dapat dilaksanakan dengan meningkatkan keluasan tanaman melalui program pembangunan kawasan baru dan tanah terbiar. Ini dapat meningkatkan pengeluaran seperti buah-buahan bernilai tinggi seperti pisang, nangka, nanas, tembikai, durian belanda dan jambu batu. Pelaksanaan kaedah kebun integrasi pula merupakan satu kaedah dalam mengusahakan kebun dengan cara menggabungkan aktiviti tanaman, ternakan dan akuakultur yang dijalankan di dalam satu kawasan. Ia juga dapat menyumbang kepada pertanian mampan yang berupaya mengekalkan pengeluaran dan memelihara sumber-sumber untuk generasi akan datang. Wilayah ini mempunyai beberapa FELDA utama iaitu FELDA Palong, FELDA Serting Hilir dan FELDA Bukit Rokan. FELDA merupakan skim utama bagi penanaman kelapa sawit di Negeri Sembilan.

Terdapat juga hutan simpanan kekal dan empangan yang merupakan antara sumber jaya yang perlu dipelihara. Senarai hutan simpanan kekal dan senarai empangan adalah seperti **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3 :  
Senarai Hutan Simpanan Kekal, Hutan Lipur dan Empangan Utama  
di Kawasan Pembangunan Agropolis

Hutan Simpanan Kekal	Hutan Lipur	Empangan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• HS Angsi (12,435 hektar)</li> <li>• HS Berembun (20,698 hektar)</li> <li>• HS Gemas Selatan (765 hektar)</li> <li>• HS Gunung Tampin (5,541 hektar)</li> <li>• HS Johol (4,247 hektar)</li> <li>• HS Pasir Panjang (157 hektar)</li> <li>• HS Pelangai (6,630 hektar)</li> <li>• HS Senaling Inas (7,261 hektar)</li> <li>• HS Serting (7,371 hektar)</li> <li>• HS Tebong (2,552 hektar)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hutan Lipur Batu Maloi, Johol</li> <li>• Hutan Lipur Gunung Tampin</li> <li>• Hutan Lipur Serting Ulu</li> <li>• Hutan Lipur De Bana</li> <li>• Hutan Lipur Jeram Tengkek</li> <li>• Hutan Lipur Ulu Bendul</li> <li>• Hutan Lipur Gunung Datuk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Empangan Teriang, Jelebu (27.33 MGD)</li> <li>• Empangan Ulu Sepri, Rembau (1.07 MGD)</li> <li>• Empangan Pedas Lama, Rembau (1.24 MGD)</li> <li>• Empangan Gemencheh, Tampin (7.38 MGD)</li> <li>• Empangan Talang, Kuala Pilah (0.18 MGD)</li> </ul>

Sumber : Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, 2014 dan Syarikat Air Negeri Sembilan, 2014.

Daerah Kuala Pilah mempunyai produk warisan tertinggi di Negeri Sembilan iaitu sebanyak 89 produk (**Jadual 3.4**). Bandar Seri Menanti sebagai Bandar DiRaja di Kuala Pilah juga merupakan ikon kepada produk warisan di daerah ini. Bagi memperkukuhkan pembangunan warisan, kawasan dan produk bersejarah akan dipulihara dan dipelihara. Selain itu, produk-produk yang berpotensi ini akan diperkenalkan melalui pakej pelancongan berasaskan warisan ke peringkat antarabangsa.

Jadual 3.4 :  
Taburan Produk Bersejarah di Daerah Kuala Pilah

Kategori	Bilangan
Bangunan / Monumen	12
Masjid	19
Rumah	30
Makam	8
Tapak Bersejarah	20
<b>Jumlah</b>	<b>89</b>

Sumber: Lembaga Muzium Negeri Sembilan, 2014 dan Rancangan Tempatan Daerah Kuala Pilah.




**i. Logo Pembangunan Agropolis**

Penggunaan simbol padi menjelaskan pembangunan agropolis yang memfokuskan kepada pembangunan berasaskan pertanian bagi menyokong pencapaian Negeri Sembilan sebagai pengeluar makanan utama kepada Lembah Klang (*Kitchen for Klang Valley*). Warna biru diguna pakai untuk menerangkan sumber ekonomi utama hasil dari produktiviti tanaman berteknologi tinggi.



Rajah 3.4:  
Konsep Pembangunan Agropolis



Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.

## ii. **Cadangan Strategik Pembangunan Agropolis**

- Zon pengeluaran ternakan dengan teknik pengurusan ladang yang efisien dan pengeluaran hasil ternakan bermutu tinggi.
- Zon Penggalakan Tanaman Pertanian.
- Negeri Sembilan *Food Valley* di Gemas.
- Hab pengeluaran ruminan di Gemas (*Gemas Beef Valley*).
- Pembangunan nilai tambah - *Rembau Halal Food Park*.
- IKS Berasaskan Produk Pertanian dan Hasil Hiliran.
- Amalan pengilangan baik bagi memasarkan hasil pertanian.
- Bandar Seri Jempol dan Tampin sebagai Pusat Petempatan Utama.
- Pembangunan perbandaran di Rembau kesan limpahan pembangunan MVV.
- Pengukuhan pembangunan berasaskan transit (TOD) di Gemas.
- Hab pendidikan Islam di Gemencheh.
- Pengukuhan imej warisan khususnya di Bandar Seri Menanti dan Daerah Kuala Pilah.
- Negeri Sembilan *Cultural Centre* di Kuala Pilah.
- Membangunkan produk pelancongan berasaskan agrolancong dan produk warisan sedia ada.
- Menaik taraf Hutan Simpan Gunung Tampin sebagai Taman Wilayah.

### 3.2.3 **Teras 3 : Pembangunan Biodiversiti**

Kawasan pembangunan biodiversiti ini yang melibatkan Daerah Jelevu memainkan peranan penting sebagai elemen kestabilan biodiversiti di Negeri Sembilan dan juga sebagai sumber air utama negeri. Matlamat pembangunan biodiversiti ini adalah pembangunan dan pemeliharaan sumber semula jadi secara mampan. Pembangunan biodiversiti Negeri Sembilan ini bertujuan memperkukuhkan kedudukan kawasan HSK melalui pemeliharaan kawasan hutan dan penanaman semula pokok di kawasan hutan yang telah diterokai. Pembangunan biodiversiti terdiri daripada 20% tepu bina atau perbandaran, 30% pertanian dan 50% HSK dan badan air.

Pembangunan biodiversiti penting bagi memperkukuhkan kedudukan kawasan HSK dan perlindungan sumber serta alam sekitar hutan secara teratur dan intensif. Antara kerja-kerja pemuliharaan hutan asli yang boleh dilakukan adalah seperti rawatan silvikultur dan pengawalan industri berasaskan kayu.


Daerah Jelevu mempunyai sebuah empangan air iaitu Empangan Triang. Kawasan hutan sekitar empangan perlu dikekalkan agar tidak menjejaskan kawasan tadahan air. Selain pemuliharaan biodiversiti, Daerah Jelevu juga aktif sebagai pengeluar hasil pertanian terutama bagi tanaman getah, kelapa sawit, buah-buahan, padi dan sayur-sayuran.

**i. Logo Pembangunan Biodiversiti**

Penggunaan simbol flora dan fauna pada logo ini adalah untuk menjelaskan identiti pembangunan biodiversiti yang dibangunkan secara terkawal ke arah memulihara kawasan HSK dan keseimbangan biodiversiti Negeri Sembilan. Tema hijau digunakan bagi menggambarkan sumber alam semula jadi yang terdapat di Daerah Jelevu.



Rajah 3.5:  
Wilayah Pembangunan Biodiversiti



Sumber: Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045.



**ii. Cadangan Strategik Pembangunan Biodiversiti**

- *World Biodiversity Centre (WBC)* di Hutan Simpan Kenaboi.
- *ASEAN Adventure Park* di Jelevu.
- Pewartaan Hutan Simpan Kenaboi sebagai Taman Negeri.
- Semua kawasan *central forest spine (CFS)* dipelihara.
- Pengurusan HSK bagi fungsi hutan lipur dan rekreasi untuk pembangunan eko pelancongan terutama di Hutan Simpan Kenaboi, Gunung Besar Antu dan Taman Alam Liar Negeri Lembah Jemaloi di Jelevu.
- Mempromosikan pelancongan Jelevu secara pakej iaitu *Adventure Tourism 4 x 4, Adventure Tourism, Jungle Tracking, Homestay* dan *Agro Tourism*.
- Jajaran HS Lenggeng – Galla yang bersambung dengan HS Kenaboi dan Berembun dibangunkan sebagai Taman Wilayah dan Taman Hutan Komuniti.
- Galakan perusahaan di bidang industri berasaskan kayu dan bukan kayu (buah-buahan, rotan dan herba).
- Mempertingkatkan promosi dan penggunaan hasil barangan berasaskan hutan melalui kewujudan aktiviti hiliran.
- Pemuliharaan hutan asli secara teratur (silvikultur) dan mempergiat usaha menghidupkan semula kawasan hutan yang kurang produktif.

